

06/07/2001

Pas mungkin bermotif politik: PM

Kadir Dikoh; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya kerajaan Pas Kelantan mempunyai niat tertentu apabila meminda Undang-Undang Perlembagaan Tubuh negeri itu bagi mengehendkan kuasa Sultan Kelantan.

Perdana Menteri berkata, mungkin disebabkan niat Pas itu termasuk kemungkinan bermotifkan politik, Sultan Kelantan enggan memberi perkenan bagi membolehkan undang-undang itu dikuat kuasa.

Sehubungan itu, katanya, tindakan Sultan Kelantan tidak boleh disamakan dengan tindakan Sultan Johor dan Kedah yang juga tidak memberi perkenan sebelum ini kerana tujuannya berbeza.

"Sultan Kedah pun tak tandatangani juga, Sultan Johor pun tak tandatangani juga. Itu mungkin ada sebab lain, bukan dia memihak kepada parti politik tetapi dia berasa niat nak buat undang-undang itu bukan seperti yang kita buat dulu.

"Kita buat dulu untuk menghindar daripada perlakuan tidak baik, yang bercanggah dengan undang-undang oleh raja-raja. Tetapi yang ini (tindakan kerajaan Pas Kelantan) nampak, pasal nak marah kerana sesuatu perkara tertentu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dan berdialog pada majlis Konvensyen Sains 2001 di Seri Kembangan, dekat sini.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim menolak kemungkinan ada pihak tertentu membuat tekanan kepada Sultan Kelantan sehingga baginda enggan menandatangani pindaan itu.

"Itu senang nak kata tetapi tak dapat dibuktikan. Kalau saya cakap kerajaan Pas, memporakperandakan khazanah hutan di Kelantan (ramai pihak berpendapat yang sama) tetapi susah nak buktikannya.

"Dalam hal ini, saya tak percaya ada parti politik menekan mana-mana pihak. Terserahlah kepada rakyat Kelantan untuk buat keputusan atau hukuman," katanya mengenai dakwaan Nik Aziz yang menganggap tindak-tanduk Sultan Kelantan disebabkan tekanan sebuah parti politik.

Isnin lalu, Tengku Razaleigh Hamzah yang juga kerabat diraja Kelantan memaklumkan pendirian Sultan di depan lebih 3,000 rakyat negeri itu yang mendengar penjelasan pindaan berkenaan di Sekolah Kebangsaan (SK) Padangan Garong, Kota Bharu.

Ditanya sama ada Tengku Razaleigh berkemungkinan campur tangan, Dr Rais berkata: "Ku Li adalah orang ketiga dalam hiraki istana Kelantan. Soal beliau campur tangan, tak timbul. Ini seperti gulai dengan nasi..."

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Undang-Undang Siber Ke-2 di sini hari ini, beliau berkata jika kerajaan negeri ingin meneruskan pindaan itu, mereka terpaksa membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat.

Mengikut fasal 71 Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Pusat boleh memastikan undang-undang negeri selaras dengan perlembagaan, tetapi perkara itu hanya boleh dilakukan jika kerajaan Pas Kelantan membuat permohonan.

"Tapi, saya tak fikir Nik Aziz tergamak untuk pohon dari Kerajaan Pusat. Terserahlah kepada beliau," katanya.

(END)